

Penyelidikan saintis UKM di stesen angkasa lepas antarabangsa

Pelancaran roket Soyuz pada 10hb Oktober yang membawa angkasawan negara yang pertama juga menandakan satu titik sejarah dalam bidang sains angkasa negara. Tiga kajian dalam bidang sains hayat telah dibawa bersama Dr. Sheikh Muszaphar ke International Space Station. Dua daripada eksperimen ini diketuai oleh penyelidik dari UKM iaitu Profesor Dr. A Rahman A Jamal, yang mengetuai kajian sel kanser di angkasa dan Profesor Dr. Ramelah Mohamed yang mengetuai kajian mikrob di angkasa.

Profesor Dr. A Rahman yang juga merupakan ketua pasukan saintifik juga bertanggungjawab berkomunikasi dengan Dr. Sheikh Muszaphar pada sesi komunikasi teknikal yang dijalankan dua kali setiap hari di Mission Control Centre (MCC) di Moscow. Dengan sokongan dan panduan dari semua saintis dan pasukan teknikal di MCC, serta latihan dan pemahaman yang mendalam, Dr. Sheikh Muszaphar telah berjaya menyempurnakan semua eksperimen sains angkasa dengan cemerlang. Prestasi beliau sebagai seorang angkasawan juga dipuji oleh pihak Rusia dan juga rakan dari Agensi Angkasa Eropah.

Penyempurnaan penyelidikan sains angkasa ini bersama misi angkasawan menandakan satu pencapaian baru bagi saintis Malaysia dalam satu bidang yang bukan sahaja memerlukan kepakaran dalam bidang sains hayat, malahan dalam bidang kejuruteraan aeroangkasa, serta aspek logistik dan teknikal yang lain. UKM kini mempunyai kapasiti untuk meneruskan kajian seperti ini bagi menyahut seruan pimpinan negara supaya penyelidikan sains angkasa diteruskan.

Profesor Dr. A Rahman A Jamal
Ketua Saintis
Program Sains Angkasa
Misi Angkasawan Negara

Melaporkan dari *Mission Control Centre* di Moscow